

BAB V

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Perkara yang dibincangkan di dalam bab ini berkisar kepada tiga bahagian utama iaitu perbincangan, implikasi dan cadangan. Bahagian pertama dimulakan dengan merumus serta membincangkan dapatan kajian dari aspek konsepsi empat orang guru Tingkatan 1 terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani, serta perkara yang timbul dari fasa-fasa pelaksanaan kurikulum yang melibatkan rangkaian perancangan, penyampaian, dan penilaian. Hal ini seiring dengan tujuan kajian iaitu memahami perspektif guru di samping memerihal pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Kajian kualitatif ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian iaitu untuk mengetahui konsepsi guru terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 dari aspek kepentingan kurikulum Pendidikan Jasmani mengikut mereka dan bagaimana guru melihat peranan mereka dalam hal tersebut. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani dalam kalangan guru dari fasa-fasa perancangan, penyampaian dan penilaian.

Bahagian kedua pula membincangkan implikasi dapatan kajian, dan bahagian yang terakhir iaitu bahagian ketiga, mengemukakan cadangan bagi tujuan peningkatan profesionalisme khususnya yang berkaitan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani.

Peserta kajian terdiri daripada empat orang guru yang dipilih berdasarkan persampelan variasi maksimum (Creswell, 2008). Data dikumpul melalui kaedah

pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran selama tujuh bulan, temu bual dengan guru, dan analisis dokumen kurikulum yang berkaitan. Kerangka konseptual yang mendasari kajian pelaksanaan kurikulum ini adalah dari perspektif adaptasi (Marsh & Willis, 2007; Snyder et al., 1992).

Keempat-empat peserta kajian merupakan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 dengan mempunyai pengalaman mengajar yang berbeza-beza. Tiga daripada peserta kajian yang terlibat iaitu Amelia, Shaari dan Azim merupakan guru yang beropsyen Pendidikan Jasmani. Hanya Sara yang beropsyen Matematik.

Amelia merupakan seorang guru yang berpengalaman mengajar Pendidikan Jasmani, banyak terlibat dengan penyusunan kandungan rancangan tahunan di peringkat negeri. Sara pula walaupun baru pertama kali ditawarkan mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tingkatan 1 di sekolah tetapi berminat dalam melaksanakan kurikulum ini. Shaari, merupakan guru yang aktif dalam aktiviti pendidikan luar serta sering merasakan dirinya bersedia sebagai seorang jurulatih berbanding sebagai seorang guru Pendidikan Jasmani. Manakala Azim pula merasakan masyarakat meminggirkan Pendidikan Jasmani dan membuatkan dirinya tidak bermotivasi untuk bertindak sebagai agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Amelia berasakan bahawa guru perlu bertanggungjawab dan memandang serius terhadap peranan mereka sebagai agen pelaksana kurikulum. Tanggungjawab yang dimaksudkan termasuklah daripada aspek pemberian input dan pemindahan pengajaran dan pembelajaran agar murid berpeluang

mempelajari kandungan kurikulum Pendidikan Jasmani yang diperuntukkan untuk murid di Tingkatan 1.

Sara pula berpendapat guru harus bertanggungjawab dalam melaksanakan kurikulum bagi mata pelajaran yang diajar. Kepada Sara, tidak ada beza kurikulum Pendidikan Jasmani dengan mata pelajaran lain di mana kesemuanya perlu dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Perkara ini penting dalam memastikan murid berpeluang mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang disusun atur berdasarkan tahap dan kematangan mereka.

Hal ini berbeza dengan pandangan Shaari dan Azim yang yakin bahawa sukatan pelajaran hanyalah sebagai panduan dan guru harus bertindak berdasarkan keadaan, persekitaran dan konteks semasa murid yang bersifat kompleks dan dinamik. Shaari merasakan guru haruslah memikirkan cara, pendekatan dan aktiviti yang bersesuaian agar mampu menarik minat dan penyertaan murid tanpa mengeneipkan matlamat asal yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran. Justeru, Shaari melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani atas dasar realiti dan praktikaliti yang dihadapinya di sekolah. Azim pula berpendapat minat, kecenderungan dan semangat murid untuk mengambil bahagian dalam Pendidikan Jasmani perlu dipupuk dan ditingkatkan menerusi permainan pada waktu Pendidikan Jasmani. Namun status kurikulum ini yang tidak dipandang sama tinggi dengan mata pelajaran lain menyebabkan inti pati pengajaran dan pembelajaran bukan menjadi fokus utama guru ini.

Perbincangan

Seperti yang di sebut di atas, fokus kajian adalah terhadap konsepsi guru tentang kurikulum Pendidikan Jasmani dalam konteks pendidikan murid di sekolah menengah di Malaysia. Tumpuan kepada perkara ini adalah kerana kajian pemerihalannya realiti sebenar di sekolah, khususnya dalam kelas Pendidikan Jasmani iaitu satu mata pelajaran yang tidak diperiksa dan sering dipinggirkan berbanding mata pelajaran yang lain (De Veries, 2004). Di samping itu, tumpuan juga terhadap perkara yang melibatkan konsepsi guru tentang kurikulum Pendidikan Jasmani kerana dapatan kajian lampau menunjukkan konsepsi guru mempengaruhi keyakinan dan kepercayaan dan akhirnya membawa kepada pertimbangan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di kelas (Borg, 2003; Fishbein & Ajzen, 1975; Morgan, 2008).

Konsepsi Guru Terhadap Kurikulum Pendidikan Jasmani

Kajian mendapati empat orang guru yang dikaji mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani. Walaupun Amelia, Shaari dan Azim mempunyai latar belakang dan pengkhususan dalam bidang Pendidikan Jasmani, tetapi mereka mempunyai konsepsi yang berbeza. Bagi Sara pula yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang Pendidikan Jasmani jelas menunjukkan konsepsi yang tersendiri terhadap mata pelajaran ini.

Kepada Sara, kurikulum Pendidikan Jasmani harus diberi penekanan yang sama penting dengan mata pelajaran lain. Sara juga berpendapat bahawa kurikulum Pendidikan Jasmani yang digubal untuk setiap tingkatan telahpun mengambil kira keperluan dan kebolehan murid. Justeru, perkara ini perlu untuk

murid ikuti agar murid berpeluang mengikuti elemen-elemen yang bersesuaian dengan tahap dan keupayaan mereka. Walaupun Pendidikan Jasmani bukan opsyennya, sikap Sara yang bertanggungjawab membuatkan beliau meletakkan usaha yang optimum dan memberikan yang terbaik kepada muridnya dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Hal ini jelas kelihatan apabila Sara mengambil inisiatif membuat persediaan dengan mendapatkan maklumat tentang butir-butir pengajaran dan mencuba melakukan kemahiran berdasarkan perancangan sebelum melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di bilik darjah. Sikap dan tanggungjawab juga membuatkan Sara terpanggil untuk mendedahkan isi kandungan yang disuratkan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 secara optimum kepada muridnya. Sara yakin, kurikulum yang digubal adalah bersifat ideal dan menjadi tugas serta tanggungjawabnya sebagai pelaksana memastikan murid berpeluang mempelajari kandungan yang terkandung di dalamnya.

Amelia pula yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang kurikulum Pendidikan Jasmani akibat pengalaman dan penglibatannya dalam perancangan kurikulum di peringkat negeri, berpegang kepada matlamat unggul kurikulum Pendidikan Jasmani dalam membangunkan ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif. Baginya, kurikulum Pendidikan Jasmani bermatlamat untuk membantu murid menjadi cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan. Atas dasar itu, Amelia komited dalam tugas dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut agihan waktu yang disarankan dalam kurikulum kebangsaan kerana yakin kurikulum Pendidikan Jasmani memainkan peranan penting dalam menyediakan

pengalaman pembelajaran bagi mempertingkat dan mengekalkan kecergasan berasaskan kesihatan dan perlakuan motor.

Konsepsi Shaari pula dipengaruhi kuat oleh realiti dan praktikaliti mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Beliau begitu yakin murid-muridnya melihat kelas Pendidikan Jasmani sebagai waktu untuk mereka bermain. Justeru, beliau tidak teragak-agak untuk mengetepikan matlamat asal yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran walaupun pada luarannya beliau mencatatkan perkara itu di dalam buku rancangan mengajarnya.

Konsepsi Shaari diwarnai oleh latar belakang dan minatnya dalam bidang sukan, iaitu banyak terdedah dengan elemen-elemen kejurulatihan dan penglibatan aktif dalam bidang sukan. Minatnya yang begitu tebal dalam sukan membuatkan Shaari menekankan aspek bersukan berbanding aspek pendidikan dalam pelaksanaan kurikulumnya. Atas dasar itu, guru ini tidak mempunyai masalah melayan kehendak majoriti muridnya yang inginkan permainan bola sepak pada waktu Pendidikan Jasmani meskipun permainan ini berlarutan hampir sepanjang tahun. Shaari percaya menerusi permainan, kemahiran motor masih boleh diperoleh selain daripada memupuk perkembangan sosial dan afektif dalam kalangan murid.

Sementara itu, Azim yakin murid memperoleh faedah apabila mereka melibatkan diri dalam permainan tersebut. Justeru, Azim menyifatkan kurikulum yang dizahirkan menerusi sukatan pelajaran hanya sebagai panduan kerana pengekalan minat murid dan penglibatan mereka pada waktu Pendidikan Jasmani merupakan fokus utama guru ini.

Azim juga berasa peranannya sebagai agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani tidak dihargai oleh pentadbir dan masyarakat, iaitu mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak dipandang tinggi oleh masyarakat kerana tidak membawa kepada sebarang merit dalam sistem permakahan di sekolah. Oleh itu, beliau juga tidak melihat peranannya sebagai penting. Akibatnya Azim tidak langsung mengendahkan sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani sebaliknya, membiarkan muridnya bermain bola di padang sepanjang tahun.

Konsep Pendidikan Jasmani yang menekankan pendekatan pendidikan melalui aktiviti fizikal dan pendidikan untuk aktiviti fizikal, menyumbang kepada pendidikan untuk murid meningkatkan ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif (Kelly & Melograno, 2004; Siedentop, 2007). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, konsep Pendidikan Jasmani diterjemahkan menerusi perancangan yang khusus dan ideal iaitu kurikulum Pendidikan Jasmani. Di dalam perancangan tersebut terkandung tiga tunjang pembelajaran iaitu tunjang kecergasan, kemahiran dan kesukanan yang setiap satunya mempunyai agihan waktu yang khusus dengan matlamat yang tertentu dengan mengambil kira tahap dan kebolehan murid untuk setiap darjah atau tingkatan.

Konsepsi Amelia dan Sara selari dengan hasrat yang diinginkan oleh kurikulum Pendidikan Jasmani iaitu kurikulum ini perlu dilaksanakan mengikut agihan waktu yang diperuntukan. Namun, keadaan ini berbeza dengan konsepsi yang ada pada Shaari dan Azim kerana mereka menganggap pendedahan permainan bola sepak merangkumi matlamat yang tersurat dalam ketiga-tiga tunjang pembelajaran. Shaari dan Azim lebih menumpukan kepada usaha untuk mengekal dan menggalakkan murid melibatkan diri dalam aktiviti fizikal pada

waktu Pendidikan Jasmani berbanding menepati konsep dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran ini.

Antara Realiti dan Adaptasi Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah

Kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah secara holistik dengan tumpuan terhadap pemahaman tentang konteks dan cara konteks tersebut mempengaruhi guru. Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk memerihail dan memahami pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani oleh guru di sekolah, dua tema yang muncul daripada data kajian ialah realiti dan adaptasi.

Realiti

Kajian dijalankan untuk memerihalkan proses pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang melibatkan rantaian perancangan, penyampaian dan penilaian. Bagi fasa perancangan, kajian mendapati perancangan guru dipengaruhi oleh dokumen rasmi seperti sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, dan rancangan tahunan; kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah; pengalaman, pengetahuan dan kemahiran guru; dan ciri-ciri murid yang diajar termasuk pengetahuan sedia ada mereka.

Seperti yang pernah dinyatakan oleh Mosston dan Ashworth (2002), perancangan berfungsi sama ada sebagai aspek yang ingin dilihat semasa pelaksanaan pengajaran atau sekadar melengkap dokumen. Hal ini penting untuk dihalusi kerana perasaan tersebut membawa kepada kerangka untuk guru

bersedia dan bertindak (Graber, 2001; Johnson, 2000; Yinger & Hendericks-Lee, 1995). Seperti dapatan kajian, terdapat guru yang merancang pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan rekod semata-mata dan sebaliknya terdapat guru yang menjadikan perancangan sebagai panduan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Guru yang mempunyai perancangan adalah guru yang bersedia, mempunyai tujuan dan aktiviti, serta bersikap dinamik apabila berinteraksi di bilik darjah (Orlich et al., 2007). Di samping itu, kecemerlangan dalam pengajaran berkait rapat dengan perancangan yang rapi (Allison & Barrett, 2000). Perkara ini hanya boleh dicapai sekiranya setiap guru komited dengan tugas dan tanggungjawab, serta bertujuan dalam melihat perkembangan murid khususnya dalam membangunkan aspek psikomotor, kognitif dan afektif. Dalam konteks kajian, perkara sedemikian jelas berlaku terhadap Amelia dan Sara.

Kajian lampau menunjukkan hubungan yang linear antara matlamat kurikulum dan perancangan pengajaran, namun tidak kurang juga kajian yang menunjukkan perbezaan (Graber, 2001). Hal ini berlaku disebabkan terdapatnya perbezaan matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran. Seperti dapatan kajian ini yang menunjukkan perancangan yang dipamerkan oleh keempat-empat guru bahawa perancangan mereka bergantung kepada matlamat mereka sendiri iaitu sama ada bersandarkan kepada matlamat pendidikan, atau bersandar kepada kehendak murid. Amelia dan Sara merancang pengajaran dan pembelajaran dengan memikirkan matlamat kurikulum manakala Shaari dan Azim mengutamakan minat murid.

Perancangan pengajaran dan pembelajaran Amelia mengambil kira susunan kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani di Malaysia yang

memberi penekanan terhadap prinsip-prinsip asas kurikulum seperti pengulangan, ansur maju, skop, dan turutan, meskipun beliau membuat adaptasi. Seperti yang dinyatakan oleh Allison dan Barrett (2000), mereka menganggap perancangan merupakan instrumen utama yang membantu dalam kelancaran pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga halnya yang berlaku kepada Amelia. Beliau mengambil kira kemudahan dan peralatan yang ada sewaktu merancang pengajaran dan pembelajaran. Hal ini mempunyai kaitan dengan keadaan yang Amelia hadapi, iaitu berhadapan dengan kekangan kemudahan infrastruktur dan peralatan yang terdapat di sekolah tetapi beliau masih ingin memberi peluang kepada muridnya merasai kandungan kurikulum yang seharusnya mereka jalani semasa berada di Tingkatan 1. Pengalaman lampau membantu Amelia dalam berhadapan dengan situasi semasa khususnya menerusi perancangan pengajaran dan pembelajaran. Seperti dapatan dalam kajian Fisher (2000), perancangan guru sedikit sebanyak dipengaruhi oleh pengalaman lampau guru khususnya yang pernah mendatangkan kejayaan.

Berbanding dengan peserta kajian yang lain, hanya Amelia mementingkan ciri-ciri murid dalam perancangan pengajaran dan pembelajarannya. Kekangan yang beliau hadapi di samping keinginannya untuk memberi peluang kepada muridnya merasai kandungan yang dihasratkan oleh kurikulum antara alasan kukuh beliau bersikap sedemikian. Pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang terdapat pada Amelia menjadikan guru ini bersikap dinamik dalam perancangan pengajarannya. Pengalaman, pengetahuan dan kemahiran juga membuatkan Amelia tahu untuk membuat adaptasi dalam perancangan yang diguna pakai semasa fasa penyampaian kurikulum ini. Hal ini bertepatan dengan

kenyataan yang dikeluarkan oleh Borich (1996) dan dapatan kajian Wolcott (1994) di mana guru yang berpengalaman bijak untuk membuat adaptasi terhadap perancangan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi matlamat yang ditetapkan.

Bagi Sara pula, perancangan yang rapi membuatkan dirinya lebih bersedia dan yakin dalam melaksanakan kurikulum itu. Beliau memastikan perancangan dijalankan adalah bertepatan dengan kandungan yang terdapat dalam sukatan pelajaran bagi memberi murid peluang mengikuti inti pati yang digariskan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1. Hal ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Orlich et al. (2007) bahawa guru-guru baru merancang pengajaran dan pembelajaran dengan tepat berbanding guru yang berpengalaman dalam bidang mereka masing-masing.

Sara mengambil kira kemudahan dan peralatan sewaktu merancang pengajaran dan pembelajaran kerana kerisauannya tentang kepenggunaan kemudahan dan alatan bagi tujuan kelancaran pengajaran dan pembelajaran seperti yang terdapat dalam perancangannya. Selain itu, Sara menunjukkan keyakinan yang tinggi dan bersikap dinamik sekiranya aktiviti atau kemahiran yang ingin dikongsi bersama murid pernah dilaluinya. Hal ini seiring dengan dapatan kajian Bowyer (1996), aktiviti atau kemahiran yang pernah dilalui oleh seseorang pada masa lalu memberi keyakinan yang lebih tinggi pada masa kini. Keadaan ini juga membawa kepada perancangan pengajaran Sara yang lebih menekankan kepada aspek realistik iaitu, mampu untuk dicapai oleh muridnya. Guru ini juga berpegang kepada kepercayaan bahawa sukatan yang tersurat sememangnya telah mengambil kira ciri-ciri murid seperti keupayaan dan

kebolehan mereka secara umum, menyebabkan berkeputusan untuk tidak menjadikan ciri-ciri murid sebagai elemen dalam perancangan pengajaran dan pembelajarannya.

Bagi Shaari dan Azim, dokumen rasmi hanya dijadikan sebagai panduan dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran. Mereka tidak merujuk secara tegar kerana menyifatkan minat, penyertaan dan penglibatan murid perlu dititikberatkan, yang membawa kepada anggapan bahawa perancangan berasaskan dokumen hanyalah bersifat formaliti dalam senario perancangan pengajaran mereka terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani. Shaari dan Azim juga tidak mengambil kira kemudahan dan alatan dalam perancangan kerana mereka telahpun mempunyai ketetapan minda untuk menjalankan permainan bola sepak. Kepada mereka cukup sekadar sebiji bola dan kawasan permainan.

Data kajian juga menunjukkan Shaari memiliki sifat keyakinan yang terlalu tinggi. Shaari seakan-akan mengetahui kesemua kandungan kurikulum dan merasakan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada dirinya lebih daripada cukup untuk berhadapan dengan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 dan menyebabkan elemen-elemen tersebut tidak dominan dalam perancangan pengajaran dan pembelajarannya.

Bagi Azim pula, perancangan hanya sekadar memenuhi keperluan tugas dan tidak menjadikan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran sebagai elemen dalam perancangannya. Penetapan minda guru ini terlalu kuat mengatakan bahawa waktu Pendidikan Jasmani merupakan waktu untuk muridnya bermain bola sepak.

Data tentang perancangan memperlihatkan dua dapatan terjelma daripada kajian ini iaitu: perancangan yang guru lakukan berdasarkan dan mengikut matlamat kandungan dokumen kurikulum kebangsaan, dan perancangan yang guru lakukan hanyalah bersifat formaliti, iaitu guru kelihatan seperti ingin melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut perkara yang ditetapkan dalam dokumen kurikulum, tetapi sebaliknya yang berlaku dalam kelas Pendidikan Jasmani adalah berlainan.

Bagi fasa penyampaian pula, dua elemen yang terkandung di dalamnya iaitu pengurusan dan pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran memberi gambaran yang jelas dan nyata peranan yang dimainkan oleh keempat-empat orang guru yang terlibat. Kajian mendapati bahawa elemen pengurusan yang diberi perhatian adalah dari aspek disiplin murid dan kawalan kelas, kehadiran murid, pakaian dan keseragaman berpakaian. Menurut Metzler (2000) sifat kurikulum ini yang kompleks dan dinamik memerlukan pengurusan yang baik dan rapi.

Kajian mendapati kesemua peserta kecuali Azim, mementingkan disiplin murid dan kawalan kelas dalam memastikan murid berada di tempat yang sepatutnya pada waktu Pendidikan Jasmani. Hal ini berhubung rapat dengan persekitaran sekolah mereka yang terdedah dengan keadaan yang memungkinkan murid ponteng atau menyelinap keluar, dan reputasi mereka dalam memastikan disiplin murid dan kawalan kelas terpelihara.

Azim mengambil langkah mudah membiarkan muridnya dengan alasan mereka terlalu ramai untuknya awasi seorang diri. Beliau tidak berusaha memastikan mereka berada di tempat yang sepatutnya iaitu di padang. Bagi Sara

dan Shaari pula, kapasiti mereka sebagai guru disiplin di sekolah mempengaruhi tindakan mereka dalam mengetatkan syarat keluar masuk kelas. Kedua-dua mereka mengenakan sistem keluar menggunakan pas agar pergerakan murid dapat dikawal dan terkawal. Begitu juga dengan Amelia, beliau bertegas dalam mengawal disiplin dan kawalan kelas kerana merasakan bertanggungjawab menjaga keselamatan muridnya yang berada dalam konteks yang mudah untuk mereka menyelinap keluar di samping keadaan sekolahnya yang mudah dilihat oleh pelawat mahupun warga sekolah sekiranya murid bebas merayau ke sana ke mari.

Latar belakang keempat-empat peserta kajian dilihat mempengaruhi tindakan mereka memastikan kehadiran murid ke kelas. Amelia, Sara dan Shaari peka dengan jumlah atau bilangan murid pada waktu pengajaran mereka. Azim pula tidak menekankan aspek ini kerana merasakan muridnya terlalu ramai untuk dipantau. Sikap Azim yang tidak menegur muridnya yang tidak berada di padang juga berkaitan dengan dirinya yang sering lewat ke padang. Dapatan kajian juga menunjukkan, walaupun kesemua peserta kajian hanya membenarkan murid bermain dengan pakaian yang sesuai, namun Amelia, Sara dan Shaari dilihat bersikap tegas dan ketara dalam memaksa murid membawa pakaian. Mereka menerapkan rasa tanggungjawab dalam membawa pakaian pada waktu Pendidikan Jasmani pada semua murid. Dalam kajian ini, Amelia merupakan satu-satunya peserta kajian yang menitikberatkan keseragaman berpakaian. Beliau mewajibkan muridnya memakai pakaian sukan sekolah pada waktu Pendidikan Jasmani dan menerapkan perkara ini sebagai salah satu daripada

peraturan sekolah yang wajib murid ikuti selain memudahkan pengurusan aktiviti semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Dalam elemen pengurusan, dapatan yang terjelma daripada kajian ini adalah sikap dan tanggungjawab yang terdapat pada peserta kajian mempengaruhi tindakan mereka dalam berhadapan dengan murid pada waktu Pendidikan Jasmani. Ada guru yang mempunyai tanggungjawab yang tinggi kepada diri, murid dan imej sekolah membuatkan mereka mementingkan disiplin murid, kawalan kelas, dan memastikan bilangan murid yang seharusnya ada bersama-sama mereka pada waktu Pendidikan Jasmani adalah mencukupi. Hal ini juga berhubung kait dengan keinginan mereka dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan terkawal. Namun, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat juga guru yang kurang menunjukkan sikap bertanggungjawab dan membuatkan guru tidak langsung mengendahkan disiplin murid dan kawalan kelas serta tidak kisah dengan kehadiran murid ke kelas Pendidikan Jasmani.

Selain pengurusan, elemen yang seterusnya dalam penyampaian adalah pengendalian aktiviti yang meliputi tunjang pembelajaran yang terdiri daripada kecergasan, kemahiran dan kesukanan; dan amalan pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada urutan dan strategi pengajaran. Kajian mendapati Azim dan Shaari tidak menjalankan tunjang pembelajaran seperti yang digariskan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani. Sebaliknya mereka membuat pengubahsuaian dalam pelaksanaan berbanding perancangan dan kandungan kurikulum, dengan membenarkan majoriti murid bermain permainan yang murid gemari semata-mata dalam menggalakkan penglibatan dan penyertaan murid.

Azim yang kurang berhadapan dengan kekangan dari aspek kemudahan dan peralatan, tidak mengambil kesempatan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran seperti cadangan agihan waktu kurikulum Pendidikan Jasmani. Sebaliknya, guru ini membuat pengubahsuaian berbanding perancangan pengajaran dan pembelajarannya berdasarkan kehendak diri dan kehendak murid. Selain dari itu, persepsinya yang begitu tebal merasakan masyarakat seperti pentadbir, guru-guru lain dan murid tidak memandang kurikulum ini sebagai suatu yang penting untuk dilaksanakan, membuatkan guru ini bersikap pasif dengan mengabaikan tugas dan peranannya sebagai agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Hal yang sama berlaku terhadap Shaari. Kelebihan daripada aspek kemudahan dan peralatan di sekolahnya tidak langsung digunakan. Bahkan, pengetahuan dan pengalamannya yang luas juga tidak mendorong Shaari menterjemahkan ke dalam pemindahan pengajaran dan pembelajarannya. Sebaliknya, perspektif beliau terlalu kuat mengatakan murid hanya berminat bermain bola sepak.

Kedua-dua mereka tidak juga cenderung menggunakan mana-mana strategi pengajaran dan pembelajaran. Azim dan Shaari kurang mempraktikkan pengajaran langsung yang memerlukan interaksi bersemuka antara guru dan murid untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini memperlihatkan tidak adanya fasa-fasa ansur maju dan latih tubi yang diaplikasikan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Keadaan ini bertentangan dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Allison dan Barrett (2000) bahawa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah memerlukan

interaksi bersemuka antara guru dan murid dalam menyampaikan kandungan pembelajaran. Walau bagaimanapun, meskipun kedua-dua mereka cenderung menjalankan tunjang kemahiran dengan menjalankan permainan bola sepak, Shaari menunjukkan sikap tanggungjawab yang tinggi berbanding Azim. Beliau tidak pernah melepaskan muridnya bermain tanpa pengawasannya. Sebaliknya, Shaari menjalankan aktiviti memanaskan badan, regangan dan melakukan penutup atau rumusan pada setiap interaksinya bersama murid.

Kajian juga mendapati majoriti murid Shaari dan Azim berminat bermain bola sepak tetapi pada masa yang sama guru terpaksa mengeneipkan tunjang serta komponen yang disarankan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 seakan sama dengan *mixed messages* yang pernah dinyatakan oleh Hardman (2007). Hal ini kerana terdapatnya penglibatan aktif murid tetapi pada masa yang sama berlakunya peminggiran terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani yang berlandaskan sukatan pelajaran.

Amelia yang berhadapan dengan konteks yang serba kekurangan dari aspek kemudahan infrastruktur dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, membuat adaptasi dalam memenuhi komponen yang terdapat dalam tunjang pembelajaran. Beliau faham akan pentingnya murid mengikut inti pati yang terdapat dalam tunjang pembelajaran tersebut kerana setiap tunjang menyumbang kepada matlamat yang berbeza. Atas dasar ini, beliau memastikan muridnya mempelajari sesuatu pada masa Pendidikan Jasmani. Tanggungjawab beliau dalam memastikan murid mendapat manfaat untuk kehidupan sepanjang hayat membuatkan guru ini tidak langsung memandang remeh akan Pendidikan Jasmani meskipun kurikulum ini tidak

menyumbang kepada sebarang merit dalam pencapaian akademik. Selain itu, guru ini tidak mudah mengalami penurunan motivasi apabila berhadapan dengan kekangan dari aspek kemudahan dan peralatan. Malah, sikapnya yang positif, berhadapan dengan konteks yang sempit dan ruang yang terbatas menjadikannya lebih kreatif dalam berkongsi input dan pengetahuan bersama murid di sekolah. Amelia tidak meninggalkan begitu sahaja komponen yang tidak dapat dilaksanakan hanya disebabkan kekangan yang dihadapinya. Sebaliknya guru ini mengambil inisiatif yang tinggi membuat adaptasi dalam pelaksanaan kurikulum dengan tidak mengeneipkan matlamat asal setiap komponen dalam tunjang pembelajaran.

Begitu juga dengan Sara, meskipun pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang beliau miliki masih cetek, tetapi tidak sekali-kali dijadikan alasan untuk tidak menepati kehendak sukatan pelajaran. Sebaliknya, sikap dan tanggungjawab yang ada pada guru ini mengatasi kelemahan dirinya untuk melunaskan tanggungjawab sebagai pelaksana kurikulum dengan jaya. Amalan pengajaran dan pembelajarannya berdasarkan arahan dan kehendak yang digariskan oleh sukatan pelajaran. Bertepatan dengan dapatan kajian Berliner (2001), guru-guru novis lazimnya mengikut dengan tepat arahan dan prosedur yang digariskan.

Kedua-dua mereka mempunyai urutan aktiviti yang teratur dan sistematik. Gerak kerja yang dirancang, dilaksanakan secara progresif supaya matlamat yang ditetapkan dapat dicapai. Kedua-dua mereka mengambil kira prinsip-prinsip yang terkandung dalam Model Pembangunan Pendidikan atau *Development Education Model* (DEM) iaitu, unsur-unsur pengajaran pendidikan diterapkan

melalui pergerakan dan pendidikan untuk pergerakan (Kelly & Melograno, 2004; Darst & Pangrazi, 2006; Thompson & Mann, 1977).

Selain itu, Sara juga menunjukkan minat yang tinggi dengan kerjayanya sebagai pendidik jasmani kerana faham akan faedah yang diperolehnya. Aktiviti sebegini mampu menyumbang sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung ke arah peningkatan kecergasan, kemahiran dan kesukanan di samping dijauhi daripada jangkitan penyakit (Biddle et al., 1998; Corbin, Pangrazi & Franks, 2000; Wuest & Bucher, 2006). Minat ini juga diterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran semasa permainan kecil dan sedikit sebanyak mempengaruhi muridnya terhadap perkara yang sama.

Amelia dan Sara cenderung menggunakan strategi pengajaran gaya langsung yang berpusatkan guru. Mereka memberi arahan, tunjuk ajar serta input agar murid menjadi lebih berfokus dalam menerima inti pati pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai matlamat murni kurikulum kebangsaan. Hal ini selari dengan model pengajaran secara langsung yang dipelopori oleh Rosenshine (1983) seperti yang dibincangkan dalam Bab II. Kedua-dua mereka juga tidak lupa mempraktikkan inovasi yang diterapkan dalam kurikulum semakan. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira pembelajaran masteri dan kecerdasan pelbagai kelihatan eksplisit dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mereka.

Tidak dinafikan bahawa guru yang terlatih dalam bidang Pendidikan Jasmani mempunyai ilmu konten yang tinggi (Julismah Jani, 2006). Namun terdapat dalam kalangan guru bukan opsyen yang menunjukkan sikap bertanggungjawab serta minat yang tinggi, merupakan aset yang boleh dilentur

dalam menjayakan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani. Misalnya Sara yang kurang mempunyai pengetahuan sama ada dari aspek *declarative*, *procedural* dan *conditional* dalam bidang ini tetapi menunjukkan sikap yang positif, tanggungjawab yang tinggi serta minat yang mendalam terhadap Pendidikan Jasmani menjadikan guru ini begitu komited terhadap peranannya sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah. Hal ini juga membuatkan guru ini tidak dilihat bersikap deskriminasi terhadap Pendidikan Jasmani, sebaliknya sedaya upaya membaiki kelemahan diri sebelum memulakan interaksi bersama murid pada waktu Pendidikan Jasmani. Sara sedar bahawa Pendidikan Jasmani bukan sekadar untuk menjadikan murid-murid cergas dan sihat, tetapi memberikan pengalaman yang bernilai untuk kehidupan sepanjang hayat.

Dalam elemen pengendalian, terdapat beberapa dapatan terjelma daripada kajian ini iaitu; keadaan yang dipertimbangkan oleh guru dalam membuat adaptasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah seperti kekangan yang dihadapi dari aspek kemudahan infrastruktur dan peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani; guru membuat pengubahsuaian dalam pelaksanaan berbanding dalam perancangan atau kandungan kurikulum kerana status Pendidikan Jasmani yang tidak diperiksa; dan kurikulum ini dapat dilaksanakan dengan baik walaupun diajar oleh guru bukan opsyen, tetapi bertanggungjawab terhadap peranan mereka sebagai pelaksana kurikulum di sekolah.

Dalam fasa penilaian pula Amelia dan Sara didapati menilai kemajuan murid secara berkala dari aspek psikomotor, kognitif dan afektif. Amalan pengajaran dan pembelajaran mereka yang jelas dan berstruktur memudahkan

kedua-dua mereka mendapatkan maklum balas mengenai kemajuan murid dari semasa ke semasa. Perkara ini tidak berlaku pada Shaari dan Azim. Hal ini berhubung kait dengan amalan pengajaran dan pembelajaran mereka yang tidak memperlihatkan pemindahan pengajaran dan pembelajaran sebaliknya lebih berunsurkan kegembiraan dan keseronokan menyebabkan hanya nilai afektif sahaja yang ketara. Namun, dalam menepati arahan sekolah, Shaari dan Azim akur dalam menilai pencapaian sumatif murid menerusi ujian kertas pensil dan amalan nilai. Keadaan ini memperlihatkan kesemua mereka menjalankan penilaian dari aspek kognitif dan afektif. Walau bagaimanapun Amelia menjalankan penilaian sumatif dalam mengukur kemahiran psikomotor murid untuk tindakannya pada masa hadapan. Hal ini juga melengkapkan guru ini bahawa ketiga-tiga domain yang diterapkan menerusi Pendidikan Jasmani dinilai oleh guru ini baik secara formatif mahupun secara sumatif.

Dapatan kajian berhubung fasa ini menunjukkan bahawa sikap dan tanggungjawab mempengaruhi tindak-tanduk guru dalam menilai kemajuan murid dan pengajaran guru. Guru yang bertanggungjawab seperti Amelia dan Sara menilai kemajuan semasa murid dan pada masa yang sama penilaian tersebut merupakan maklum balas terhadap usaha yang dicurahkan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Sementara Shaari dan Azim hanya berpuas hati dengan menilai murid menerusi penglibatan dan penyertaan mereka pada waktu Pendidikan Jasmani.

Adaptasi

Konteks di luar negara seperti di Amerika menyifatkan kurikulum yang dihasratkan (*intended curriculum*) dan dokumen rasmi kurikulum (*official documents*) merupakan dua yang berbeza. Sesebuah wilayah atau daerah mempunyai autonomi terhadap kurikulum yang dihasratkan berbanding kurikulum rasmi (Kliebard, 1992; Brown, 2007). Proses desentralisasi ini membolehkan sesebuah wilayah atau daerah menerap dan mempraktikkan falsafah, kelebihan dan aspirasi dalam mencapai matlamat yang diinginkan (Bidwell & Dreeben, 1992).

Dalam kajian ini, proses pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani oleh empat orang peserta kajian dilihat menerusi perspektif adaptasi (Marsh & Willis, 2007) dan bersesuaian dengan amalan dan polisi kurikulum di Malaysia menjadikan kurikulum perdana atau kurikulum kebangsaan sebagai dokumen rasmi rujukan guru di sekolah, bermakna kurikulum yang dihasratkan juga merupakan dokumen rasmi yang harus dijadikan panduan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Adaptasi yang dilakukan oleh guru-guru di sekolah harus menepati kehendak dan matlamat yang dihasratkan oleh kurikulum tersebut.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kurikulum Pendidikan Jasmani disusun berdasarkan tiga tunjang pembelajaran dengan setiap satunya mempunyai komponen serta tajuk yang tertentu. Tunjang kecergasan menitikberatkan keupayaan murid melakukan aktiviti fizikal secara berterusan tanpa berasa lesu. Tumpuan diberi kepada komponen kecergasan fizikal berasaskan kesihatan dan perlakuan motor. Tunjang kemahiran pula menitikberatkan keupayaan murid

melakukan kemahiran daripada aspek pergerakan otot kasar dan otot halus. Tumpuan diberi kepada kemahiran asas dalam permainan, olahraga, gimnastik, pergerakan kreatif dan rekreasi. Tunjang kesukanan pula menitikberatkan kefahaman dan pengetahuan bagi mengukuhkan amalan Pendidikan Jasmani dan sukan. Tumpuan diberi kepada aspek keselamatan, pengurusan, kerjaya, etika dan isu-isu dalam pendidikan jasmani dan sukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Kurikulum Pendidikan Jasmani yang bersifat spiral menekankan enam objektif dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Tingkatan 1, murid-murid diharapkan akan dapat :

- i. Mengetahui maksud komponen-komponen kecergasan seperti daya tahan kardiovaskular, daya tahan otot, kekuatan, kelenturan, kuasa, dan kelajuan;
- ii. Melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal untuk membina kemahiran motor dan kecergasan fizikal;
- iii. Mengaplikasi kemahiran asas dalam permainan, olahraga, gimnastik pendidikan, pergerakan kreatif, gimnastik irama dan pendidikan pergerakan dengan betul dan selamat;
- iv. Memahami dan mematuhi arahan serta peraturan dalam semua aktiviti bagi menjaga keselamatan;
- v. Melibatkan diri dalam pengurusan alatan sukan dan permainan serta mengetahui isu-isu dalam sukan dan permainan; dan

- vi. Berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan semasa beraktiviti dalam suasana yang riang dan menggembirakan.

Selain daripada objektif, kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 mempunyai cadangan spesifikasi yang khusus bagi membolehkan murid berpeluang menerima inti pati pembelajaran selari dengan tahap dan keupayaan mereka. Contohnya, dalam tunjang kemahiran bagi komponen permainan, dicadangkan permainan bola sepak, bola jaring dan pingpong. Begitu juga dengan tunjang dari komponen yang lain, yang mempunyai cadangan serta spesifikasi yang bertujuan memberi pendedahan kepada murid-murid agar mereka berpeluang mempelajari satu kontinum pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif dari Tingkatan 1 hinggalah ke Tingkatan 5 kelak.

Kebanyakan guru cuba untuk melaksanakan kurikulum sebagaimana yang dihasratkan serta cuba mengurangkan jurang antara teori dan amalan (Bailey & Dismore, 2004). Walau bagaimanapun, perspektif adaptasi mengesyorkan bahawa guru perlu menyesuaikan konteks persekitaran bagi mencapai pelaksanaan kurikulum yang optimum dengan tidak mengubah matlamat asal yang digariskan (Cho, 1998).

Seperti yang dibincangkan dalam Bab II, Fullan (2001) telah menyenaraikan tiga faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan dalam kurikulum iaitu faktor yang memerlukan inovasi dalam perubahan seperti keperluan, kejelasan matlamat, kompleksiti atau kesukaran dan kualiti serta praktikaliti sesebuah program; faktor yang dimainkan oleh individu tempatan

yang melibatkan pentadbir, guru, daerah dan komuniti setempat, dan faktor-faktor luaran yang melibatkan pelaksanaan dasar dan polisi.

Dalam konteks kajian, adaptasi jelas berlaku pada Amelia. Kejelasan matlamat yang merujuk kepada kefahaman terhadap kehendak matlamat pengajaran membuatkan individu sedaya upaya menepati matlamat tersebut meskipun dengan melalui fasa adaptasi, membuatkan Amelia menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani. Amelia sedar bahawa peranannya dalam memberi dan mengujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran mendatangkan kesan untuk kehidupan murid sepanjang hayat. Kekangan yang Amelia hadapi tidak membantutkan beliau membuat adaptasi terhadap komponen-komponen pengajaran daripada tunjang yang berkaitan meskipun beliau berhadapan dengan kesempitan tempat dan terpaksa berkongsi tempat pengajaran dan pembelajaran dengan guru lain.

Amelia juga menjalankan adaptasi terhadap peruntukan masa bagi komponen dalam tunjang pembelajaran. Walaupun berhadapan dengan kemudahan yang paling minimum tetapi Amelia mampu mengedalikan pengajaran secara optimum, malah mengalahkan peserta kajian lain yang konteksnya jauh lebih baik daripada sekolah Amelia.

Penekanan guru terhadap aspek kualiti dan praktikaliti juga mempengaruhi kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani. Aspek ini merujuk kepada peruntukkan masa untuk pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru di bilik darjah, dan kesesuaian bahan atau peralatan untuk tujuan pelaksanaan program (Fullan, 2001). Guru yang mementingkan kualiti memaksimum peruntukkan masa pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan

kesepaduan yang terdapat dalam objektif pengajaran dan pembelajaran (Annarino, Cowell & Hazelton, 1980; Jonassen, Peck & Wilson, 1999).

Kajian mendapati Amelia menekankan kualiti dengan cuba menepati agihan waktu yang diperuntukkan untuk tunjang dan komponen pembelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 meskipun berhadapan dengan kekangan dari aspek kemudahan infrastruktur dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Amelia menekankan kualiti dengan memberikan pendidikan yang merangkumi aspek kesepaduan yang terdapat dalam objektif bagi ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif, isi kandungan mata pelajaran, di samping strategi pengajaran dan pembelajaran dan penilaian. Dalam konteks pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani pula, aspek kualiti merupakan proses dalam pendidikan yang menggunakan aktiviti fizikal untuk membantu perkembangan otot, meningkatkan tahap kemahiran dan pengetahuan serta perkembangan sosial yang positif (NASPE, 1995, 2004a). Perkara ini jelas berlaku dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang dijalankan oleh Amelia apabila beliau menjadikan objektif pengajaran sebagai landasan untuknya menepati sasaran pengajaran dan pembelajarannya di bilik darjah.

Sifat kurikulum Pendidikan Jasmani yang dinamik (Rusli Lutan, 2001) membuatkan elemen praktikaliti merupakan salah satu aspek dalam menentukan kejayaan dalam pelaksanaan. Menurut Fullan (2001), praktikaliti berkait rapat dengan kemudahan serta peralatan sedia ada yang terdapat di sekolah. Dalam konteks kajian, mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 3/1979 bertarikh 2 Mei 1979, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Kurikulum Pendidikan Jasmani digubal berdasarkan tiga tunjang pembelajaran yang boleh dilaksanakan tanpa perlu mengikut urutan tetapi perlu menepati peruntukan waktu yang ditetapkan. Justeru, kebolehan dan keinginan guru dalam membuat adaptasi terhadap bahan-bahan atau kemudahan dan peralatan yang terdapat di konteks sekolah memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran agar menepati matlamat pengajaran dan pembelajaran yang dihasratkan.

Pada masa yang sama, guru ini juga memikirkan aspek-aspek yang praktikal dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran agar matlamat yang digariskan mampu ditepati. Seperti dapatan kajian Thomas dan Beaudoin (2002) yang mendapati guru mudah mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekiranya kemudahan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani adalah bersesuaian dan mencukupi, perkara ini terpaksa diharungi oleh Amelia. Namun, beliau masih mampu melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani meskipun dengan membuat adaptasi berdasarkan kesesuaian bahan atau peralatan yang terdapat di sekolahnya.

Kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani berkait rapat dengan peranan yang dimainkan oleh guru itu sendiri. Peranan guru ini meliputi peranan yang dimainkan terhadap murid, mata pelajaran dan peranan dalam menunaikan tanggungjawab sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah (Fullan, 2001). Di samping itu, konsepsi yang ada pada individu mempengaruhi amalan pengajaran dan pembelajaran mereka. Hal ini memberi kesan kepada

sikap dan tanggungjawab dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Misalnya, terdapat peserta kajian yang berhadapan dengan konteks yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran tetapi menjadikan perancangan sebagai formaliti dan tidak sebagai penduan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Senario yang sebaliknya iaitu peserta kajian yang berhadapan dengan kemudahan infrastruktur dan peralatan yang terhad tetapi mempunyai iltizam yang kuat dalam menunaikan tanggungjawab sebagai agen pelaksana kurikulum ini di sekolah.

Kajian mendapati Amelia menunjukkan sikap bertanggungjawab sebagai guru Pendidikan Jasmani, mempunyai pengetahuan yang baik, komitmen yang tinggi dalam Pendidikan Jasmani, serta mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap murid dalam memastikan murid menerima pengajaran dan pembelajaran bersandarkan sukatan pelajaran membuatkan Amelia menjalankan adaptasi dalam pelaksanaan kurikulum. Sepertimana dapatan kajian Johnson (2007), guru yang berpengalaman dan berpengetahuan tidak berhadapan dengan masalah dalam membuat adaptasi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mereka. Keadaan tersebut juga memberi keyakinan kepada guru bahawa Pendidikan Jasmani tidak hanya berperanan dalam mendatangkan keseronokan kepada murid, tetapi pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang berkualiti memberi nilai tambah terhadap ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif. Hal ini bertepatan dengan kenyataan NASPE (2004a) bahawa Pendidikan Jasmani yang berkualiti merupakan pendidikan untuk membangunkan ketiga-tiga domain tersebut melalui pergerakan atau untuk pergerakan.

Selain itu, kejayaan dalam pelaksanaan sesebuah program berkait rapat dengan kejelasan terhadap dasar dan polisi yang ditetapkan oleh program tersebut (Berman, 1981). Dalam konteks kajian, kejelasan terhadap dasar dan polisi kurikulum Pendidikan Jasmani membuatkan peserta kajian melunaskan tugas dan tanggungjawab sebagai pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Kajian mendapati Amelia komited dengan peranan serta tugas sebagai agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Amelia sendiri merupakan salah seorang guru yang terlibat dalam panel penyediaan panduan rancangan pelajaran tahunan untuk diguna pakai oleh guru-guru di seluruh negeri Kuala Lumpur. Tugas beliau bukan sekadar panel penyediaan panduan rancangan pelajaran tahunan, tetapi sebagai agen pelaksana kepada panduan rancangan tersebut. Keadaan ini membuatkan Amelia menerapkan kepentingan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani kepada murid-muridnya meskipun sedar bahawa kurikulum Pendidikan Jasmani tidak membawa sebarang merit dalam sistem permakahan peperiksaan.

Bagi Sara pula, peranan beliau sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah sememangnya eksplisit. Sara menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai guru dalam merancang, menyampaikan dan menilai murid seperti yang dikehendaki oleh pihak sekolah. Kemudahan dan peralatan yang terdapat di konteks sekolah digunakan sebaik mungkin dalam menepati kehendak sukatan pelajaran. Justeru tidak timbul elemen adaptasi yang terpaksa difikirkan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Bagi Shaari dan Azim pula, walaupun mereka berasakan dengan bermain bola sepak terdapatnya integrasi terhadap komponen lain, tetapi sebenarnya

dengan hanya bermain bola, tiadanya penekanan terhadap Pendidikan Jasmani yang berkualiti iaitu yang menekankan aspek-aspek pengajaran bermakna, peluang pembelajaran bagi setiap murid serta strategi pengajaran yang bersesuaian dengan tahap dan kebolehan murid (NASPE, 1990, 2004a; *Physical Education Standards of Learning*, 2001). Seperti yang dinyatakan oleh Rink (2002), guru perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 50% daripada peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran untuk menjalankan aktiviti bagi objektif yang ingin disasarkan. Namun, perkara ini tidak berlaku kepada mereka berdua. Hal ini jelas dalam senario pelaksanaan kurikulum mereka iaitu, murid kelihatan seronok bermain di padang, namun mereka tidak mengambil bahagian dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru tidak mempraktikkan pemindahan pengajaran dan pembelajaran secara langsung.

Shaari dan Azim dilihat membuat pengubahsuaian dalam pelaksanaan kurikulum mereka. Penumpuan mereka kepada permainan bola sepak (Jadual 5.1) dengan tiada penekanan kepada pemindahan pengajaran dan pembelajaran langsung mengesahkan perkara ini.

Jadual 5.1

Taburan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani oleh Shaari dan Azim

	Kecergasan		Kemahiran		Kesukanan	
	Bil Pelaksanaan	%	Bil Pelaksanaan	%	Bil Pelaksanaan	%
Shaari	3/15	20	12/15	80	TIADA	0
Azim	TIADA	0	20/20	100	TIADA	0

Seperti yang dinyatakan Snyder et al. (1992), perspektif adaptasi cenderung untuk mengetahui perkara-perkara yang mendorong dan menghalang kejayaan pelaksanaan sesebuah program atau kurikulum. Kajian ini mendapati bahawa kejelasan matlamat, kualiti dan praktikaliti, peranan guru dan tanggungjawab dalam melaksanakan dasar dan polisi merupakan elemen yang menjayakan pelaksanaan kurikulum berdasarkan cadangan yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan.

Implikasi Kajian

Kajian ini memperihal pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 dalam kalangan guru di sekolah menengah. Fokus kajian adalah terhadap peranan yang dimainkan oleh guru yang melibatkan fasa-fasa dari rangkaian perancangan, penyampaian dan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mendapati guru mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap kurikulum ini dan mempengaruhi tindakan dan pelakuan mereka dalam pemindahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perancangan guru berdasarkan matlamat yang ingin mereka capai sama ada berlandaskan sukatan pelajaran, atau perancangan yang bersifat formaliti yang membawa kepada guru pada luarannya iaitu dalam perancangan kelihatan seperti ingin melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut apa yang ditetapkan dalam dokumen kurikulum, tetapi sebaliknya yang berlaku dalam kelas Pendidikan Jasmani.

Selain itu, kajian ini juga memaparkan sikap dan tanggungjawab yang

terdapat pada guru mempengaruhi tindakan mereka dalam berhadapan dengan murid pada waktu Pendidikan Jasmani dan keadaan yang dipertimbangkan oleh guru dalam membuat adaptasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian juga mendapati kurikulum ini dapat dilaksanakan dengan baik walaupun diajar oleh guru bukan opsyen, tetapi bertanggungjawab terhadap peranan sebagai pelaksana kurikulum di sekolah.

Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk memahami peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani, kajian ini melihat fenomena yang berlaku secara holistik dalam konteks pelaksanaannya di sekolah. Hal ini memerlukan pemahaman terhadap konteks, dan cara konteks tersebut mempengaruhi peserta kajian secara mendalam dan terperinci. Justeru, kajian kualitatif ini telah memberikan impak yang bermanfaat dalam memaparkan hasil dapatan dalam realiti sebenar di sekolah dari perspektif *emic*. Dapatan kajian membawa implikasi yang besar dan harus dititikberatkan oleh organisasi yang terlibat dalam disiplin Pendidikan Jasmani dan perancang kurikulum bagi menjayakan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani untuk sekolah-sekolah di Malaysia.

Implikasi Terhadap Disiplin Pendidikan Jasmani

Kajian ini dijalankan terhadap empat orang peserta kajian di mana tiga orang daripada mereka merupakan individu yang mempunyai latar belakang dalam bidang Pendidikan Jasmani. Namun, konsepsi mereka tentang matlamat kurikulum ini adalah berbeza iaitu sama ada untuk memenuhi tunjang pembelajaran yang dihasratkan dalam kurikulum atau untuk tujuan keseronokan

murid agar penglibatan dan penyertaan dapat dipupuk dalam kalangan mereka. Keunikan kurikulum ini yang kesan pengajarannya hanya dapat dilihat pada jangka waktu yang panjang (Wuest & Bucher, 2009) menyukarkan guru menepati enam objektif yang disuratkan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani di Malaysia, dan enam objektif yang disuratkan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1. Justeru, kajian ini memberi implikasi kepada disiplin ini bahawa matlamat dan objektif yang dihasratkan seharusnya eksplisit dan boleh diukur pada jangka waktu yang pendek dan pada jangka waktu panjang untuk murid pada setiap tahap atau setiap tingkatan.

Kajian ini juga mendapati bahawa murid berminat untuk melibatkan diri pada waktu Pendidikan Jasmani sekiranya permainan kegemaran atau kesukaan mereka dipenuhi. Justeru, kajian ini memberi implikasi bahawa kurikulum Pendidikan Jasmani perlu mempunyai matlamat dan objektif yang jelas sama ada mementingkan matlamat, atau minat murid, atau kedua-duanya sekali agar guru dapat memberikan input yang maksimum dan murid dapat menerima pembelajaran secara optimum.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat guru yang merasakan bahawa pentadbir tidak memandang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani setanding dengan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran yang lain. Malah, guru merasakan pengurus kurikulum tidak menghiraukan kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dipenuhi. Justeru, kajian ini memberi implikasi bahawa pengurus kurikulum harus memandang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani setanding dengan mata pelajaran

lain dan bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran secara optimum.

Kajian ini juga memberi implikasi kepada disiplin Pendidikan Jasmani bahawa statusnya yang tidak diperiksa (*not subject to examination*) membuatkan guru merasakan perancangan pengajaran dan pembelajaran hanya bersifat formaliti dan membawa kepada sikap sambil lewa dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru disiplin ini harus mempunyai ketetapan yang khusus, yang seharusnya murid capai menerusi penilaian yang standard dan sistematik untuk diguna pakai oleh semua murid di sekolah dalam sistem pendidikan di negara kita.

Ekoran daripada status kurikulum yang tidak diperiksa, kajian ini memberi implikasi bahawa murid merasakan Pendidikan Jasmani merupakan landasan untuk mereka bermain kerana tidak membawa kepada sebarang merit dalam pencapaian akademik. Oleh itu, dicadangkan pelaporan kemajuan berasaskan sekolah dengan mengambil kira kandungan yang terdapat dalam sukatan pelajaran, yang dapat menyumbang kepada merit pencapaian akademik murid di sekolah dan pada peringkat ketiga pendidikan.

Kajian ini juga memberi implikasi bahawa pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani seharusnya memberi ruang kepada guru-guru bukan opsyen tetapi bertanggungjawab sebagai agen pelaksana kurikulum dan menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang ini untuk terus menyumbangkan bakti. Hal ini kerana tanggungjawab dan minat mendorong seseorang guru untuk sentiasa memperbaiki prestasi diri dalam memberikan yang terbaik terhadap pengajaran dan pembelajaran kepada murid di sekolah.

Implikasi Terhadap Perancang Kurikulum

Perancang kurikulum perlu akur bahawa Pendidikan Jasmani memerlukan kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan kurikulum ini memerlukan kemudahan infrastruktur serta peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Tidak semua sekolah mampu mengaplikasikan cadangan murni yang digariskan dalam sukatan pelajaran atas masalah ini. Oleh itu, guru yang berhadapan dengan kekangan sedemikian melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani hanya berdasarkan limitasi yang mereka hadapi. Justeru, kajian ini memberi implikasi kepada perancang kurikulum memikirkan kandungan yang bersifat komprehensif tetapi realistik untuk dilaksanakan oleh sekolah-sekolah yang terdiri daripada pelbagai kategori dan mempunyai perbezaan dari aspek kemudahan infrastruktur serta peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat guru membuat adaptasi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran disebabkan kekangan yang dihadapi di sekolah. Kajian ini memberi implikasi bahawa perancang kurikulum memikirkan panduan atau standard yang jelas dan khusus akan adaptasi yang boleh dilaksanakan tanpa menjejaskan matlamat utama kurikulum ini.

Kajian ini juga memberi implikasi kepada perancang kurikulum dalam memikirkan matlamat serta objektif kurikulum Pendidikan Jasmani secara praktikal dan eksplisit. Hal ini kerana keunikan kurikulum ini yang matlamat serta objektif pelaksanaannya membawa kesan yang positif dalam jangka waktu yang panjang menyukarkan guru menilai kemajuan dan pencapaian murid.

Selain itu, Pendidikan Jasmani begitu sinonim dengan ‘main’ dalam kalangan murid di sekolah. Murid tertunggu-tunggu waktu Pendidikan Jasmani kerana berminat dengan sesuatu permainan tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh Tyler (1949), perancang kurikulum mengenalpasti objektif umum, iaitu tujuan pendidikan dengan mengumpulkan maklumat menerusi tiga sumber utama, iaitu murid, masyarakat dan mata pelajaran. Menerusi murid, maklumat dikenal pasti dengan menjalankan analisis tentang minat dan keperluan mereka. Justeru, kajian ini juga membawa implikasi kepada perancang kurikulum dalam memikirkan aspek permainan yang berupaya menarik dan mengekalkan minat murid dalam perancangan kurikulum Pendidikan Jasmani pada masa akan datang.

Kajian juga mendatangkan implikasi kepada perancang kurikulum yang telah berusaha menggubal kurikulum ini berdasarkan teori-teori yang relevan, tetapi dilaksanakan secara sambil lewa di sekolah. Justeru, siri pemantauan berterusan amat perlu dijalankan dalam usaha memastikan pelaksanaan kurikulum ini sepertimana yang dihasratkan.

Cadangan

Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani memerlukan kemudahan dan peralatan yang bersesuaian dengan bilangan dan tahap umur murid. Dalam kajian ini elemen adaptasi dipraktikkan oleh guru yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang ini serta yakin adaptasi yang dilakukan mampu menepati agihan waktu serta matlamat yang diperuntukkan dalam kurikulum. Namun,

tidak semua guru Pendidikan Jasmani mampu melakukan tanpa pengetahuan, panduan atau alternatif yang digariskan.

Seperti yang berlaku di negara-negara maju yang lain, sesebuah wilayah atau daerah mempunyai autoriti terhadap kurikulum yang dihasratkan berbanding kurikulum rasmi (Kliebard, 1992; Brown, 2007). Selari dengan transformasi kurikulum pada masa kini, kajian ini mencadangkan supaya autonomi diberikan kepada negeri, atau daerah, atau zon untuk melaksanakan kurikulum yang dihasratkan (*intended curriculum*) berdasarkan kurikulum rasmi (*official curriculum*) pada masa akan datang (Jadual 5.2).

Jadual 5.2

Peringkat dan Jenis Kurikulum

Peringkat	Jenis Kurikulum
Persekutuan	Kurikulum Rasmi (<i>official curriculum</i>)
Negeri Daerah Zon	Negeri, Daerah atau Zon merangka objektif atau hasil pembelajaran (<i>intended curriculum</i>) berdasarkan kurikulum rasmi (<i>official curriculum</i>)
Sekolah	Objektif atau hasil pembelajaran yang dirangka (<i>intended curriculum</i>) dilaksanakan di peringkat sekolah

Adaptasi dari: Cuban (1992). Curriculum stability and change. Dalam P. Jackson (Ed.), *Handbook of Research on Curriculum* (hlm. 222).

Hal ini bertujuan memudahkan pihak sekolah melaksanakan kurikulum yang dihasratkan berdasarkan kemudahan sedia ada yang terdapat di sekolah masing-masing, di samping menerapkan falsafah, kelebihan atau kekuatan yang ada di sesebuah sekolah tersebut. Keadaan ini juga membuatkan pendidik jasmani tidak bersikap sambil lewa sebaliknya sentiasa bersikap dinamik dan proaktif dalam merangka objektif atau hasil pembelajaran yang dihasratkan untuk dilaksanakan di peringkat sekolah.

Kurikulum Pendidikan Jasmani digubal berdasarkan kriteria yang khusus dan teori-teori yang bersesuaian. Di samping itu, kurikulum ini juga digubal berdasarkan falsafah pembentukan kurikulum yang bersesuaian sama ada dari aspek idealisme, realisme, naturalisme, pragmatisme dan eksistensialisme (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2008; Annarino, Cowell, & Hazelton, 1980; Kelly & Melograno, 2004). Tujuan utama adalah untuk mencungkil potensi murid dari ketiga-tiga domain pembelajaran. Pelaksanaannya tanpa diukur menyebabkan curahan tenaga dan kepakaran sama ada dari aspek ontologi dan epistemologi kurikulum ini bersifat sia-sia.

Justeru, kajian ini juga mencadangkan agar satu sistem penilaian diwujudkan diperingkat pusat, dengan standard penilaian yang khusus dalam melayakkan murid memperoleh merit untuk diguna pakai bagi tujuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi. Hal ini bermakna, guru di peringkat negeri, daerah atau zon merangka objektif atau hasil pembelajaran yang dihasratkan berdasar kurikulum rasmi, dan mempraktikkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani berdasarkan objektif atau hasil pembelajaran yang diinginkan. Pada akhirnya pula murid dikehendaki menduduki penilaian yang standard bagi dinilai

ketiga-tiga domin psikomotor, kognitif dan afektif, dalam melayakkan mereka memperoleh merit yang akan diguna pakai untuk tujuan kemasukkan ke institusi pengajian tinggi kelak. Hal ini kerana penilaian yang tidak diiktiraf tidak membuatkan murid mempelajari sesuatu dengan besungguh-sungguh. Penilaian yang tidak diiktiraf juga tidak membuatkan guru mengajar sesuatu dengan bersungguh-gungguh dan menghasilkan impak yang cemerlang sedangkan penilaian dapat mengenal pasti dan mengukur potensi murid sepanjang melibatkan diri dalam aktiviti fizikal di sekolah (Graber, 2001; Kelly & Melograno, 2004).

Cadangan Kajian Lanjut

Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum membantu memahami pelaksanaan kurikulum yang berlaku di realiti sebenar di sekolah. Selain ini, kajian terhadap pelaksanaan kurikulum juga memberi kefahaman tentang sejauh mana kurikulum dilaksanakan sepertimana yang dihasratkan. Menurut Dusenbury et al. (2003), dengan menjalankan kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum, kefahaman terhadap faktor-faktor penyebab kejayaan dan kegagalan dikenal pasti serta dan diharapkan dapat diperbaiki pada masa-masa yang akan datang. Tambahan pula, sesebuah kurikulum yang dirangka melibatkan curahan masa, tenaga dan kepakaran (Fullan, 2001) memerlukan maklum balas dari semasa ke semasa untuk dihalusi bagi tujuan penambahbaikan terhadap individu atau golongan yang berkepentingan.

Kajian kualitatif ini bertujuan memperihalkan dan memahami pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 di sekolah. Fokus kajian adalah kepada proses sebenar yang berlaku dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang melibatkan rangkaian perancangan, penyampaian dan penilaian. Beberapa cadangan disarankan bagi melihat pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru berhadapan dengan kekangan dari aspek kemudahan infrastruktur dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, disarankan satu kajian lanjutan bagi mendapatkan amalan terbaik (*best practice*) yang bertujuan membantu guru-guru yang berhadapan dengan kekangan sedemikian, tetapi mempunyai hasrat murni untuk menepati kehendak sukatan pelajaran.

Pengkaji menjalankan kajian dengan melihat pelaksanaan yang berlaku berbanding kurikulum yang dihasratkan dari perspektif guru. Justeru, adalah disarankan satu kontinum yang lengkap dari perspektif murid untuk mengetahui elemen yang mereka pelajari menerusi kurikulum ini perlu dijalankan. Hal ini bakal memberi satu gambaran yang lengkap mengenai kurikulum yang dihasratkan, dilaksanakan serta yang diterima oleh murid dalam senario pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah di Malaysia.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapatnya ketidakpuashatian peserta kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbir terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani. Justeru, adalah dicadangkan bahawa satu kajian dijalankan dalam kalangan pentadbir di sekolah bagi menyiasat

konsepsi, peranan dan penglibatan atau sumbangan mereka dalam memertabatkan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Selain itu, untuk memahami sepenuhnya pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah, kajian juga harus dijalankan di luar batasan sekolah khususnya terhadap ibu bapa dan masyarakat. Hal ini bertujuan mendapatkan pandangan atau perspektif mereka agar cadangan atau pandangan khususnya yang bersifat empirikal dapat diguna pakai untuk tujuan transformasi kurikulum pada masa akan datang.

Kesimpulan

Kajian-kajian yang dijalankan pada peringkat antarabangsa dan tempatan mendapati pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani seperti yang dihasratkan tidak dilihat sebagai sesuatu yang penting. Aspek yang seharusnya dipatuhi oleh guru berdasarkan kurikulum yang digubal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran semakin dipinggirkan di kebanyakan sekolah di dunia dengan wujudnya jurang yang ketara antara perkara yang diajar dengan perkara yang seharusnya murid pelajari.

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memahami dan memperihal pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani dalam kalangan guru di sekolah menengah dengan memberi fokus kepada peranan yang dimainkan oleh guru daripada rantaian perancangan, penyampaian dan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian memberikan gambaran yang jelas mengenai perkara yang berlaku dalam realiti sebenar pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang berlaku dalam realiti sebenar dengan menggunakan perspektif adaptasi. Perspektif ini cenderung untuk mengetahui perkara yang mendorong dan menghalang kejayaan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan. Dalam konteks kajian, faktor yang memerlukan inovasi seperti kejelasan matlamat dan kualiti serta praktikaliti yang ada pada individu merupakan salah satu sebab kepada penentuan kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani. Selain itu, faktor individu yang melibatkan sikap dan tanggungjawab serta faktor luaran yang berkaitan dengan tanggungjawab dalam melaksanakan dasar dan polisi kurikulum kebangsaan merupakan elemen yang mendorong dalam memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Walaupun kajian ini hanya dijalankan terhadap empat orang guru di sekitar Lembah Kelang tetapi dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan dalam pelaksanaan dan diharap kajian ini menyumbangkan kefahaman, implikasi dan cadangan yang mendalam dalam senario pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah menengah khususnya di Malaysia.